

Mesin ATM terus jadi sasaran penyamun

**Rompakakan** **keempatat!**

H.M 27/06/07 MSZ

>19 Jun



**Lokasi:** Bangunan Koperasi Uinek, UKM, Bangi  
**Kerugian:** RM350,000

>21 Jun



**Lokasi:** Stesen minyak di Batu 6 1/2 Jalan Puchong  
**Kerugian:** Tidak diketahui

>24 Jun



**Lokasi:** Sebuah bank di Taman Equine, Seri Kembangan  
**Kerugian:** RM600,000

>Malam tadi



**Lokasi:** Wisma Tani, Putrajaya  
**Kerugian:** Tidak diketahui

>>Oleh Kamarulzaman Pid  
amar@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Sebuah lagi mesin juruwang automatik (ATM) dipecah dan ratusan ribu ringgit dilarikan perompak dalam kejadian keempat seumpamanya di Lembah Klang dalam terdekat ini.

Rompakan terbaru itu membabitkan sebuah ATM di Wisma Tani di sini, malam tadi. Ia adalah rompakan pertama membabitkan ATM yang berlaku di pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan ini.

Rompakan itu hanya disedari seorang pengawal keselamatan bertugas kira-kira jam 7 malam apabila mendapati pintu mengeluarkan wang ATM itu tidak tertutup rapat dan alat penggeranya juga tidak berbunyi.

Mereka kemudian terkejut apabila mendapati tiga daripada empat peti wang yang diletakkan dalam ATM itu hilang sebelum

## >10 jaga ditahan, sejumlah wang samun ditemui semula

**S**UBANG JAYA: Polis menemui sejumlah wang daripada 10 pengawal keselamatan yang ditahan bagi membantu siasatan kehilangan wang rompakan membabitkan tiga mesin juruwang automatik (ATM) di Taman Equine, Sri Kembangan di sini, kelmarin. Semua lelaki terbabit berusia 25 hingga 45 tahun, ditahan kelmarin dan semalam di sekitar Lembah Klang.

Mereka termasuk seorang pengawal keselamatan yang ketika kejadian sedang makan di sebuah restoran berdekatan, direman empat hari bermula semalam.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata semua pengawal keselamatan terbabit warga tempatan dan bertugas di dua syarikat kawalan keselamatan.

"Penangkapan mereka dapat membantu siasatan kes ini dan mungkin ada tangkapan lain selepas ini.

"Tetapi ia terulang kepada siasatan dan saya tidak boleh komen lanjut serta jumlah wang yang ditemui," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Mesyuarat Keselamatan Persatuan Pengusaha Hotel Malaysia, Bahagian Selangor, semalam.

melaporkannya kepada polis.

Seorang pengawal keselamatan lain mendakwa alat penggera ATM itu berbunyi tidak lama selepas pegawai bank berkenaan memasukkan wang lewat petang kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, tiada perbuatan meragukan dilihat.

"Saya pun tak tahu apa yang berlaku selepas itu dan siapa yang mematikan alat penggera," katanya.

Tinjauan ke lokasi kejadian mendapati tiada sebarang kesan umpilan dikesan pada pintu ATM berkenaan.

Wisma Tani dikawal seramai 14 pengawal keselamatan pada syif siang iaitu dari jam 7 pagi hingga 7 malam dan sembilan pengawal keselamatan bertugas pada syif malam bermula dari jam 7 malam hingga 7 pagi.

Hingga lewat tengah malam tadi, butiran lengkap mengenai rompakan dan jumlah wang yang dilarikan juga belum dipastikan.